

TR: 8.8.66

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN
PERDANA MENTERI MALAYSIA,
DI UPACARA PEMBUKAAN PESTA BUKU
DAN BAHAN-BAHAN PENERANGAN
BULAN BAHASA KEBANGSAAN
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
PADA 20 OGOS, 1966.

Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pesta Buku dan Bahan-bahan Penerangan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan, atas kesudiannya menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Pesta ini. Inilah kali yang ketujuh Pesta seperti ini diadakan sejak gerakan-gerakan bahasa kebangsaan mula diadakan dalam tahun 1960. Saya perhatikan bahawa kemajuan dalam lapangan penerbitan buku-buku dan bahan-bahan penerangan dalam bahasa kebangsaan sekarang ini boleh dikatakan sudah mencapai suatu peringkat yang boleh dibanggakan. Sebelum Kemerdekaan dahulu, malah tujuh atau lapan tahun dahulu, buku-buku dan lain-lain bahan bacaan yang ada dalam bahasa kebangsaan amatlah rendah mutunya dan sangat sedikit bilangannya.

Kemajuan yang telah kita capai setakat ini dalam usaha-usaha untuk mengembangkan bahasa kebangsaan, khasnya dalam lapangan penerbitan itu, adalah merupakan asas yang baik bagi perkembangan bahasa kebangsaan selanjutnya di masa hadapan. Kemajuan bahasa kebangsaan dan sokongan orang ramai serta ketegasan pihak Kerajaan Perikatan untuk melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam bulan September tahun 1967 telah mendatangkan perubahan-perubahan sikap yang besar pada masyarakat Malaysia terhadap bahasa itu.

Satu daripada perubahan yang nyata sekali dapat kita saksikan ialah minat dan perhatian yang semakin bertambah banyak diberikan oleh pihak-pihak penerbit negeri ini terhadap usaha-usaha untuk menerbitkan buku-buku dan lain-lain bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan. Sistem pelajaran kebangsaan kita yang menitikberatkan pemakaian serta pelajaran bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mustahak menimbulkan keperluan terhadap buku-buku 'bacaan sekolah dalam bahasa kebangsaan dan perkembangan inilah yang merupakan satu gaya penarik yang kuat kepada penerbit-penerbit tempatan untuk berlumba-lumba mengeluarkan sebanyak-banyak buku dan bahan-bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan.

Keperluan terhadap buku-buku dalam bahasa kebangsaan akan bertambah-tambah lagi apabila kesanggupan masyarakat Malaysia untuk menggunakan bahasa kebangsaan meningkat dari semasa ke semasa. Murid-murid sekolah yang tamat pelajaran mereka di peringkat rendah dan menengah akan memerlukan buku-buku dalam bahasa kebangsaan untuk digunakan di peringkat pelajaran tinggi pula. Ini akan memberi kesempatan yang lebih cemerlang dan lebih luas kepada bahasa kebangsaan untuk berkembang terus ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan itu juga peluang-peluang bagi pihak-pihak penerbit tempatan untuk memperluaskan perusahaan penerbitan masing-masing dalam bahasa kebangsaan akan bertambah.

Satu perkara yang amat mustahak kita fikirkan ialah soal mengeluarkan buku-buku dan lain-lain bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan yang sesuai dengan keperluan-keperluan masyarakat Malaysia yang semakin lama semakin bertambah maju dan cerdik. Usaha-usaha kita untuk memajukan taraf pelajaran kita akan melahirkan satu masyarakat Malaysia yang akan bertambah-tambah cerdik dan bijak sehari. Golongan-golongan cerdik pandai kita, orang-orang yang mendapat pelajaran tinggi dan rakyat jelata yang 'literate', iaitu yang tahu membaca dan menulis dan berfikir, akan bertambah banyak bilangannya. Mereka semua akan memerlukan buku-buku dan bahan-bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka.

Kita terpaksa mengakui bahawa golongan-golongan cerdik pandai negeri ini yang telah mendapat pelajaran tinggi melalui bahasa Inggeris di maktab-maktab dan di universiti-universiti, baik di luar negeri mahupun di dalam negeri, masih banyak lagi bergantung

kepada buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang ditulis dalam bahasa Inggeris, walaupun tidak kurang daripada mereka itu sudah fasih bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan. Ini bukanlah kerana mereka cintakan bahasa Inggeris atau tidak cintakan bahasa kebangsaan, tetapi ialah, pada perasaan saya, kerana buku-buku dan bahan-bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan yang sesuai dengan keperluan mereka belum begitu cukup lagi. Kita tidak mahu berpuas hati dengan kemajuan bahasa kebangsaan sebagai bahasa 'orang ramai' sahaja ataupun sebagai bahasa untuk pelajaran rendah dan menengah sahaja. Oleh sebab itu saya berharap sebanyak-banyak buku-buku bacaan umum, novel-novel dan biography atau buku-buku riwayat hidup yang bermutu tinggi dari bahasa-bahasa lain akan diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan. Tetapi penterjemahan sahaja tidak mencukupi. Penulis-penulis dan Wartawan-wartawan Malaysia hendaklah menulis dalam bahasa kebangsaan buku-buku siasah, biography-biography dan pandangan-pandangan serta pengembaraan moden dari pengalaman dan dari kaca mata orang-orang Malaysia sendiri. Saya suka mengalakkan seramai-ramai penulis supaya melawat negara-negara asing dan menulis pendapat-pendapat mereka. Sumber bacaan kita berkenaan dengan perkembangan siasah, misalnya di Afrika, adalah melalui rencana-rencana yang ditulis oleh orang-orang dari Negara Barat. Baru-baru ini telah ada Wartawan-wartawan Asia yang menulis pula. Kita pun janganlah ketinggalan. Orang-orang Malaysia berhak mendapat pandangan dan peninjauan dari kaca mata rakyatnya sendiri dan dengan ini kurahglah pemikiran kita dipengaruhi oleh penulis-penulis dari luar yang kadang-kadang memberi pandangan dari segi mereka itu sahaja.

Dasar kita terhadap bahasa kebangsaan memanglah hendak bergerak dari bawah dahulu, kesudian dengan perlahan-lahan kita bergerak maju hingga ke atas. Dasar ini telah kita ikuti dengan teratur selama kira-kira sembilan tahun sekarang ini dan telah mendatangkan kejayaan-kejayaan serta kesan-kesan yang cukup memuaskan, hinggakan kita telah berjaya mengadakan banyak sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. Salah sebuah dari sekolah-sekolah itu telahpun dapat menghantarkan penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran mereka itu ke Universiti Malaya.

Kejayaan seperti ini sudah sepatutnya bekehendakkan kita

memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap usaha-usaha untuk membanyakkan pengeluaran buku-buku dan lain-lain bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan yang layak digunakan di peringkat atas pula. Kita tentulah tidak mahu melihat kejayaan dalam rancangan bahasa kebangsaan di peringkat bawah sahaja; kita sekarang mahu menjayakan penggunaan bahasa kebangsaan itu di peringkat yang lebih tinggi, iaitu di kalangan penuntut-penuntut sekolah menengah atas, penuntut-penuntut maktab dan universiti, di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga di kalangan kaum 'professional' dan cerdik pandai, yang kebanyakannya masih terdidik dalam bahasa Inggeris. Kita mahu golongan-golongan ini menghormati dan mempunyai minat yang penuh terhadap bahasa kebangsaan kita.

Pendek kata, kita mahu bahasa kebangsaan maju sesuai dengan perkembangan fikiran dan taraf pelajaran negara kita yang semakin lama semakin meningkat tinggi itu. Oleh yang demikian amatlah mustahak kita menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap usaha-usaha untuk mengeluarkan buku-buku dalam bahasa kebangsaan yang mengandungi ilmu-ilmu pengetahuan yang tinggi, yang sesuai dengan golongan-golongan masyarakat kita yang memerlukan buku-buku seperti itu. Buku-buku dalam ilmu sains dan teknik patutlah kita berikan perhatian yang utama. Hanya dengan adanya buku-buku yang bermutu tinggi ini, yang memenuhi kedai-kedai buku tempatan dan perpustakaan, baharulah dapat kita menarik minat dan perhatian golongan-golongan cerdik pandai kita dari buku-buku yang dikarang dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain kepada buku-buku yang ditulis dalam bahasa kebangsaan itu. Soal yang kita hadapai sekarang ialah untuk memupuk kecenderungan orang ramai dan juga golongan cerdik pandai Malaysia supaya tertarik untuk membaca buku-buku dalam bahasa kebangsaan.

Masalah menulis atau mengeluarkan buku-buku ilmu pengetahuan tinggi dalam bahasa kebangsaan itu bukanlah satu masalah yang berat. Perkembangan bahasa kebangsaan setakat ini sudah cukup layak untuk mengeluarkan buku-buku seperti itu. Saya percaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sudah banyak mengeluarkan istilah-istilah dalam berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan tinggi, terutamanya dalam bahagian sains dan teknik. Lagi pun saya percaya di Malaysia ini tidak kurang bilangan kaum cerdik pandai kita, dari

berbagai kaum keturunan, yang boleh mengarang buku-buku seperti itu. Mereka patutlah, mulai dari sekarang juga, memberikan sumbangan-sumbangan yang konkrit kepada perkembangan bahasa kebangsaan kita dengan cara mengarang buku-buku ilmu pengetahuan tinggi dalam bahasa kebangsaan.

Lapangan penerbitan bahasa kebangsaan masih terbentang luas dengan segala kemungkinan dan harapan yang cemerlang. Dan lapangan ini akan mendapat dorongan serta ilham yang lebih pesat lagi setelah tercapainya persahabatan semula antara negara kita dengan Indonesia baharu-baharu ini. Sebagaimana yang kita semua tahu, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Indonesia ialah bahasa Melayu juga, iaitu samalah dengan bahasa kebangsaan kita. Bahasa di Indonesia itu telah mencapai kemajuan yang cukup luas dan digunakan di semua universiti dan sekolah tinggi dan segala cabang pentadbiran negara itu.

Oleh yang demikian saya nampak bahawa masa depan bahasa kita amatlah cemerlang. Apabila perhubungan kebudayaan antara kedua-dua negara ini dipulihkan semula dan diertakkan lagi, maka harapan bahasa kebangsaan kita untuk maju lebih luas dan pesat lagi akan terbentang seluas-luasnya. Apa yang kurang dalam bahasa kita boleh ditokok tambah oleh bahasa di Indonesia dan apa yang kurang di pihak sana boleh juga kita tokok tambahkan, dengan kemajuan yang kita capai dalam bahasa kita. Saya berharap tidak berapa lama lagi pertukaran lawatan-lawatan kebudayaan dan ahli-ahli bahasa, penulis-penulis akan dapat dijalankan dan Perjanjian Persahabatan Indonesia-Malaya 1959 dapat dilaksanakan dan diamalkan bagi kebaikan kedua-dua negara ini. Begitu juga kita harap dapat mengeratkan kerjasama dalam memajukan bahasa, terutama dalam perundingan-perundingan persamaan ejaan diterus dan dijayakan.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, lapangan penerbitan bahasa kebangsaan kita mempunyai masa depan yang cukup cemerlang. Dan saya berseru kepada kaum cerdik pandai kita yang mempunyai kebolehan dan bakat menulis supaya mengambil peluang keemasan ini untuk mengarang buku-buku dalam bahasa kebangsaan kita.

Untuk menghadapi segala kemungkinan bahasa kebangsaan kita

di masa hadapan itu maka amatlah mustahak kita mengemaskan diri dan menambahkan kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang telah kita capai dalam bahasa kebangsaan kita setakat ini. Masa kita hendak melaksanakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi kita yang tunggal tidak berapa lama lagi dan saya berharap siapa-siapa sahaja diantara kita, terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan bahasa rasmi itu, akan bersiap sedia untuk menghadapi tahun 1967 dengan tidak berlengah-lengah kerana tidak ada masa kita hendak berlengah-lengah.

Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan, kalau saya tidak silap, pernah berkata bahawa gerakan-gerakan bahasa kebangsaan dengan cara besar-besaran boleh ditamatkan apabila semua rakyat negeri ini sudah sehati dengan bahasa kebangsaan. Saya suka menyatakan bahawa walaupun gerakan-gerakan bahasa kebangsaan itu akan tamat, usaha-usaha untuk menggalakkan dan mengkaji perkembangan-perkembangan bahasa kebangsaan akan kekal dan cara ini akan kita lakukan melalui Bilik-Bilik Gerakan Bahasa Kebangsaan yang terdapat di semua negeri dalam Malaysia Barat. Berkenaan dengan Bilik Gerakan Bahasa Kebangsaan Pusat yang bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka, borang-borang pertanyaan untuk mengetahui tentang kedudukan perkembangan bahasa kebangsaan di dalam pentadbiran negara dan dalam lapangan perusahaan serta perniagaan negeri ini telah dihantar ke seluruh Malaysia Barat.

Menurut borang-borang jawapan yang telah diterima dari negeri-negeri di Malaysia Barat, pada hari ini didapati bahawa Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah menjalankan penggunaan bahasa kebangsaan dalam pentadbiran dengan memuaskan hati. Hitung panjang, kerajaan Negeri adalah menggunakan bahasa kebangsaan dalam pentadbiran lebih kurang 75%. Saya berharap usaha dalam lapangan ini akan terus diperkuatkan lagi oleh Kerajaan Negeri sehingga tercapai matlamat kita.

Begitu jugalah di peringkat Kementerian-Kementerian Federal, penggunaan bahasa kebangsaan adalah berjalan dengan baik. Setengah-setengah pejabat menggunakan bahasa kebangsaan lebih daripada pejabat-pejabat yang lain. Oleh itu saya berharap pejabat-pejabat dan Kementerian-Kementerian yang kurang sedikit meng-

gunakan bahasa kebangsaan itu, akan memperkuatkan lagi usahanya untuk menggunakan bahasa kebangsaan. Ada juga lagi Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan yang masih belum lagi menjawab borang-borang pertanyaan yang dikirimkan kepada mereka itu dan saya berharap jawapan-jawapan itu akan diberi dengan seberapa segera yang boleh. Mustahaklah Bilik Gerakan Kebangsaan bagi pelaksanaan bahasa kebangsaan yang telah siap itu diatur dan diisi dengan sempurna dan perkara ini berkehendakkan butir-butir dan keterangan-keterangan yang lengkap daripada pejabat-pejabat Kerajaan dari peringkat Federal dan peringkat negeri. Saya berkehendakkan Bilik Gerakan ini berjalan seperti juga Bilik Gerakan Pembangunan Negara di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Walau bagaimanapun saya berasa puas hati tentang kejayaan yang telah tercapai setakat ini dalam kemajuan mengamalkan penggunaan bahasa kebangsaan kita dalam berbagai-bagai lapangan. Cuma saya berharap syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan dalam negeri ini akan memperluaskan lagi penggunaan bahasa kebangsaan dan saya berharap Bilik Gerakan Bahasa Kebangsaan Pusat yang telah siap itu akan dapat dibuka dengan rasmi tidak berapa lama lagi.

Akhirnya saya berharap pihak-pihak penerbit yang mengambil bahagian dalam Pesta Buku dan Bahan-bahan Penerangan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini akan berusaha lebih giat lagi untuk menerbitkan buku-buku bahasa kebangsaan yang bermutu tinggi, sesuai dengan keperluan-keperluan masyarakat Malaysia yang semakin lama semakin maju dan moden dalam semua lapangan. Saya berharap juga kita semua akan bersiap sedia untuk terus memajukan bahasa kebangsaan kita sehingga tercapai matlamat kita sepenuhnya dan saya berharap Dewan Bahasa dan Pustaka akan meneruskan pimpinan dan usaha-usahanya dalam lapangan bahasa ini dan pengeluaran buku-buku dari Dewan Bahasa dan Pustaka lebih banyak dan bermutu lagi. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pengarahnya, Tuan Syed Nasir, telah menjalankan kerja yang baik dan saya berdoa moga-moga Dewan Bahasa dan Pustaka akan bertambah maju, mempunyai kemudahan-kemudahan sendiri sesuai dengan gedung yang besar yang mengeluarkan buku-buku. Dengan itu saya berharap Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lama lagi akan mempunyai percetakannya sendiri.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pembukaan Pesta Buku dan Bahan-Bahan Penerangan Bulan Bahasa Kebangsaan ini.

Terima kasih.



Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sedang melihat sebuah buku di majlis perasmian Pesta Buku dan Bahan-bahan Penerangan anjuran Jawatankuasa Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 20 Ogos 1966.